

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

SPU301 - Pemikiran Politik Perbandingan

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja. Semua soalan mempunyai nilai markah yang sama.

1. Kedaulatan "rakyat" atau kedaulatan Allah pada asasnya sama sahaja; iaitu kedaulatan undang-undang. Bincangkan dengan memberi penekanan kepada erti kedaulatan.

(100 markah)

2. Huraikan erti "kebebasan" dengan memberi penekanan kepada permasalahan percanggahan di antara kepentingan individu dan kepentingan umum.

(100 markah)

3. Falsafah barat mengalami perubahan penekanan daripada pembentukan individu sempurna kepada pembentukan institusi sempurna untuk mengwujudkan pemerintahan sempurna. Terangkan maksud pernyataan ini dan nyatakan pandangan Islam berkaitan dengan persoalan tersebut.

(100 markah)

...2/-

4. Ideologi memberi arah-hala dan pengertian kepada kehidupan manusia. Dengan merujuk kepada teori-teori ideologi yang di kemukakan oleh Clifford Geertz, bincangkan kebaikan dan keburukan ideologi dalam kehidupan manusia bernegara.

(100 markah)

5. Falsafah politik Rousseau boleh diertikan sebagai menyokong bentuk pemerintahan demokrasi maupun autokrasi. Bentangkan hujah-hujah, berasaskan falsafah politik Rousseau, yang menyokong kedua-dua bentuk pemerintahan ini dengan memberi tumpuan kepada isu penglibatan warganegara di dalam pemerintahan.

(100 markah)

6. Undang-undang, atau peraturan-peraturan, diperlukan untuk menggubal undang-undang. Bincangkan asal dan jenis undang-undang mengikut Rousseau dan Islam.

(100 markah)

- oo oOo oo -